

# Peranan Bangunan Berpentas Prosenium dalam Tradisi Persembahan Bangsawan di Sarawak

## *The Function of A Proscenium Staged Building in the Bangsawan Performance Tradition in Sarawak*

**Nur Afifah Vanitha Abdullah**

*Pusat Penyelidikan Bitara Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, MALAYSIA*

E-mel: nurafifah@ukm.edu.my

**Published online:** 31 October 2017

**To cite this article:** Nur Afifah Vanitha Abdullah. 2017. Peranan bangunan berpentas prosenium dalam tradisi persembahan bangsawan di Sarawak. *Wacana Seni Journal of Arts Discourse* 16: 85–102. <https://doi.org/10.21315/ws2017.16.4>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.21315/ws2017.16.4>

### **ABSTRAK**

*Sejak perkembangan awal teater bangsawan sama ada di Tanah Melayu, Singapura mahupun Sarawak, pementasannya sering dilaksanakan di ruang pentas prosenium. Kumpulan-kumpulan bangsawan yang bermodal besar lazimnya menyewa panggung wayang, manakala yang bermodal kecil pula terpaksa mendirikan pentas prosenium sendiri untuk melaksanakan pementasan. Namun tradisi penggunaan bentuk pentas ini menjadi antara penghalang kepada kesinambungan bangsawan di Sarawak sejak 1990-an. Para penggiat teater, terutamanya yang amatur, menjauhi genre bangsawan atas alasan keperluan ruang pentasnya khusus. Perkara ini adalah antara faktor kos produksi bangsawan tinggi berbanding genre teater lain. Sehubungan itu, dengan menggunakan kerangka konsep "the nest" dalam teori persembahan yang dikemukakan oleh Richard Schechner (1988), artikel ini bertujuan menjawab persoalan,*

"apakah peranan seni bina bangunan berpentas prosenium dalam tradisi persembahan bangsawan di Sarawak?" Untuk menjawab persoalan ini, kajian berbentuk fundamental dan bersifat kualitatif dirangka. Analisis kandungan dipilih sebagai instrumen kajian utama untuk memperolehi data daripada buku, artikel jurnal, dan rakaman video pementasan bangsawan lepas. Pemerhatian turut dilakukan terhadap pratonton pementasan Bangsawan Sultan Tengah di Dewan Bahasa dan Pustaka, Cawangan Sarawak pada Disember 2015 sebagai kaedah memperolehi data. Dapatan dalam artikel ini adalah setiap bahagian dalam seni bina bangunan berpentas prosenium mempunyai peranan tertentu dalam proses persembahan bangsawan di Sarawak. Seni bina ruang ini juga turut berperanan dalam proses pementasan bangsawan dan proses berkumpul dalam kalangan penggiat dan khalayak teater bangsawan. Bahagian "front of house" serta belakang pentas berperanan dalam beberapa aktiviti yang berkait dengan proses berkumpul teater ini. Sementara itu, walaupun kelengkapan persembahan bangsawan seperti Kota Bum, "side wings", dan jala tiada pengaruh secara langsung terhadap pementasan bangsawan, namun ia mempunyai kedudukan serta peranannya yang tersendiri sebagai sebahagian daripada kelengkapan persembahan teater ini.

**Kata kunci:** ruang pementasan, prosenium, teater, bangsawan, seni bina

## ABSTRACT

*Since the early emergence of the Malay opera in Peninsular Malaya, Singapore and Sarawak, its performance has always taken place on a proscenium stage. Bangsawan troupes with big funds usually rented cinema buildings, where else troupes with small funds erected their own proscenium stage to perform. Thus the tradition of performing bangsawan on this type of stage is noted as among the obstacles for the continuity of bangsawan in Sarawak since the 1990s. Theatre activists, especially the amateurs tend to avoid staging the bangsawan because of its rigid requirement for the proscenium stage. A bigger budget is required to rent a premise with a proscenium stage for bangsawan as compared to other theatre genres. Hence, the concept of "nest" in Richard Schechner's (1988) "performance theory" is applied to answer, "what is the function of the proscenium staged building's architecture to the bangsawan performance tradition in Sarawak?" A fundamental research with qualitative method was designed.*

*Content analysis was chosen as the main research instrument to gather data from books, journal articles, and recordings of previous bangsawan performances. Observation was also carried out on the recent preview of "Bangsawan Sultan Tengah" performance organised by Dewan Bahasa dan Pustaka, Sarawak branch, on December 2015. The findings in this article show that the architecture of the proscenium staged building is very much related to the performance process and staging structure of the bangsawan. The front of house and back stage are relevant to a few activities related to the gathering process in this theatre. Besides that, although the performance accessories such as its "Kota Bum", side wings, and jala have no direct influence on the staging of bangsawan, these items have their specific place and function as part of the performance equipment for this theatre.*

**Keywords:** performance space, proscenium, theatre, bangsawan, architecture

## PENGENALAN

Nama lain bagi teater bangsawan adalah opera Melayu. Ia adalah salah satu genre seni persembahan Melayu. Di samping lakonan, pengucapan dialog, tarian, nyanyian dan lawak jenaka, teater ini diiringi muzik sepanjang pementasannya. Cerita-cerita yang dipentaskan adalah tentang golongan aristokrat yang diadaptasi dari cerita India, Cina dan Barat. Asal usul teater bangsawan adalah adaptasi daripada teater wayang Parsi yang dipentaskan di Pulau Pinang sekitar 1875 oleh anak-anak wayang dari Gujarat, India. Wayang Parsi menggunakan Bahasa Hindi sebagai bahasa pengucapan pentasnya. Teater ini diusahakan untuk tujuan komersial, manakala ahli-ahlinya adalah penggiat teater sepenuh masa. Masyarakat Pulau Pinang, terutamanya yang berketurunan Jawi peranakan amat tertarik dengan persembahan wayang Parsi (Rahmah 1975). Wayang Parsi ini kemudiannya mula diusahakan oleh masyarakat tempatan dengan menyesuaikan aspek pementasannya dengan kebudayaan tempatan. Selain menggunakan nama Melayu untuk watak-wataknya, bahasa Melayu juga dijadikan bahasa pengucapan pentas. Teater ini pada mulanya dikenali sebagai Tiruan Teater Parsi, kemudian secara beransur mula dikenali dengan nama bangsawan (Abdul Samat Salleh 2005: 11). Pushi Indera Bangsawan adalah kumpulan bangsawan tempatan pertama yang melaksanakan perniagaan bangsawan secara profesional. Selain ahlinya bekerja sepenuh masa, teater ini diusahakan secara berkembara, iaitu dari satu tempat ke satu tempat yang lain.

Bangsawan adalah genre seni persembahan yang unik dalam alur perkembangan teater Melayu yang muncul sekitar abad ke-19 di Pulau Pinang. Keunikan bangsawan disebabkan kehadiran elemen teater tradisional dan moden dalam persembahannya. Hal ini selari dengan kedudukannya di penghujung era teater tradisional dan permulaan teater moden Melayu, iaitu Sandiwara. Antara elemen teater tradisional dalam bangsawan adalah acara ritual buka dan tutup panggungnya, serta tiada skrip, pengarah dan latihan lakonan khusus sebelum pementasan. Manakala elemen teater moden pula berkait terus dengan tujuan teater ini dilaksanakan, iaitu untuk tujuan hiburan dan komersial. Penjualan tiket, pemilihan individu berbakat dan berupa paras menarik, penekanan terhadap cerita, tarian, lagu, kostum, set, prop, tirai, serta penggunaan ruang khusus iaitu pentas berbentuk prosenium adalah antara elemen moden bagi teater ini. Justeru, bangsawan turut dikenali sebagai "teater transisi" dalam kalangan sarjana teater Melayu disebabkan sifatnya yang unik ini.

Sejak perkembangan awal bangsawan di Sarawak, teater ini telah menggunakan pentas prosenium bagi pementasannya. Kumpulan-kumpulan bangsawan menggunakan sama ada panggung wayang ataupun panggung bangsawan yang didirikan sendiri untuk melaksanakan aktiviti pementasan. Pemilihan mana-mana dua bentuk bangunan ini amat berkait rapat dengan kemampuan kewangan sesebuah kumpulan bangsawan. Kumpulan bangsawan bermodal besar, ternyata lebih berkemampuan menyewa pawagam berbanding kumpulan bangsawan bermodal kecil atau sederhana (Nur Afifah Vanitha Abdullah 2009). Malah terdapat juga kumpulan bangsawan yang menyewa dan mengubah suai bahagian anjung rumah Melayu atau bangunan persatuan sebagai pentas prosenium untuk melaksanakan aktiviti pementasan mereka (Nur Afifah Vanitha Abdullah 2009: 74, 131).

Selepas 1960-an penggiat teater di Sarawak kurang memilih bangsawan untuk dipentaskan. Nur Afifah Vanitha Abdullah (2011a) dalam penulisannya bertajuk "Persembahan Bangsawan di Sarawak", mengesahkan bahawa antara faktor kewujudan fenomena tersebut adalah keperluan menggunakan bangunan berpentas prosenium yang menjadi tradisi pementasan teater ini di Sarawak. Kos sewa bangunan dengan kemudahan ini selama tiga hingga lima hari mencencah 20% daripada jumlah keseluruhan kos produksi teater ini. Perkara ini adalah antara faktor yang membebankan para penggiat teater, terutamanya penggiat amatur. Lalu mereka lebih cenderung memilih genre teater lain untuk dipentaskan berbanding bangsawan.

Sehubungan itu juga, Nur Afifah Vanitha Abdullah (2011b) melaksanakan penyelidikan berbentuk aplikasi yang bertajuk "Intervensi Teknologi dalam Pemeliharaan

Teater Bangsawan" pada tahun 2010. Objektif utama kajian tersebut adalah menjamin kesinambungan teater bangsawan dengan bantuan teknologi. Salah satu percubaan dalam kajian tersebut juga adalah mementaskan bangsawan<sup>1</sup> di ruang selain prosenium. Sebagai alternatif, pentas semi-arena digunakan untuk kajian ini. Pilihan ini dilakukan selari dengan seni bina ruang pementasan semi-arena di mana kajian ini dilaksanakan, iaitu Panggung Eksperimental, Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak. Percubaan menggunakan ruang semi-arena yang auditoriumnya berkerusi bertingkat dan lebih tinggi kedudukannya berbanding ruang lakon, berhadapan dengan cabaran. Ruang lakon dan kedudukan penonton dalam panggung ini telah mencabar format pementasan teater bangsawan. Cabaran utamanya adalah tirai tidak dapat digunakan untuk melindungi aktiviti pertukaran set semasa *extra turn*.<sup>2</sup> Hal ini disebabkan *eye level* penonton lebih tinggi dari ruang lakon di ketiga-tiga bahagian pentas. Tirai setinggi lebih 30 kaki diperlukan untuk melindungi aktiviti pertukaran set di ketiga-tiga bahagian pentas. Malah, tirai tersebut akan menghalang penonton terutamanya di sebelah kiri dan kanan untuk mengikuti *extra turn*, jika acara ini dipentaskan di bahagian hadapan ruang lakon. Memandangkan pengarah teater ini berpegang kepada pendapat bahawa *extra turn* adalah antara ciri penting dalam teater bangsawan, maka ciri ini dikekalkan dengan membuat beberapa pilihan pementasan. Antaranya adalah pertama sekali, pengarah memilih untuk menerangkan kepada penonton tentang kedudukan dan fungsi babak serta *extra turn* dalam bangsawan melalui *program master*.<sup>3</sup> Seterusnya, pengarah turut memilih untuk melakukan pertukaran set secara terang-terangan oleh kru pentas dengan irungan muzik. Setelah pertukaran set selesai, acara *extra turn* diteruskan dan diikuti babak seterusnya.

Kajian Nur Afifah Vanitha Abdullah (2011b) mendapati penonton keliru dengan bentuk bangsawan yang dipentaskan. Walaupun babak-babak lakonan dan pengisian acara *extra turn* tidak menghadapi masalah untuk dipentaskan dalam ruang ini, penonton keliru dengan kaitan antara *extra turn* dengan lakonan dalam babak. Kekeliruan tersebut disebabkan oleh pertukaran set secara terang-terangan dan kehadiran *extra turn* selepas itu. Penerangan yang diberikan oleh *program master* tentang kedua-dua perkara ini tidak membantu kefahaman penonton. Dalam konteks kajian Nur Afifah Vanitha Abdullah (2011b), *extra turn* bukan sahaja telah hilang fungsi asasnya sebagai acara selingan untuk menghiburkan penonton semasa pertukaran set di sebalik tabir, malah menimbulkan kekeliruan di pihak penonton. Pada masa yang sama, sekiranya *extra turn* tidak dihadirkan, teater yang dipentaskan tidak dapat digelar bangsawan kerana tidak memenuhi format pementasannya.

Dapatan kajian Nur Afifah Vanitha Abdullah (2011b) menjadi dasar untuk meneliti tradisi penggunaan bangunan berpentas prosenium dalam persembahan teater bangsawan di Sarawak. Justeru dengan menggunakan konsep *the nest* dalam teori persembahan (Schechner 1988), artikel ini bertujuan menjawab persoalan "apakah peranan seni bina bangunan berpentas prosenium dalam tradisi persembahan bangsawan di Sarawak?"

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini adalah kajian bidang seni persembahan yang meneliti peranan seni bina bangunan berpentas prosenium dalam proses persembahan dan struktur pementasan bangsawan. Oleh itu, objektif kajian ini adalah:

- (i) meneliti keperluan dan peranan ruang bangunan berpentas prosenium dalam proses berkumpul penggiat dan khalayak teater ini, dan
- (ii) menerangkan keperluan dan peranan ruang pentas prosenium dengan proses pementasan teater bangsawan.

## **TINJAUAN LITERATUR**

Penulisan lepas tentang bangsawan di Malaysia secara umum agak komprehensif setakat ini. Penulisan ilmiah terawal tentang bangsawan dilaksanakan oleh Rahmah Bujang (1975) yang membincangkan sejarah perkembangan bangsawan di Tanah Melayu dan Singapura, manakala yang terkini adalah oleh Marlenny Deenerwan (2015) tentang konvensi pementasan bangsawan Rahman B dalam kerangka baharu bagi khalayak kontemporari Malaysia. Dalam jangka masa lebih kurang 40 tahun (1975–2015), teater bangsawan turut dikaji oleh sarjana bidang sains sosial dan juga seni persembahan yang lain. Kajian-kajian ini meliputi pelbagai aspek dalam teater bangsawan. Antaranya adalah bangsawan sebagai hiburan bandaran popular (Wan Abdul Kadir 1988); bangsawan dalam susur galur teater Melayu (Cameons 1981); format pementasan bangsawan sebagai sebuah teater transisi Melayu (Nur Nina Zuhra 1992); hubungan antara bentuk dramatik serta stail muzik bangsawan (Tan Sooi Beng 1993); aspek lakonan dalam bangsawan (Abdul Samat Salleh 1996; 2003; 2005); aspek ritual dalam

bangsawan (Mohamed Ghous Nasuruddin 2000); persembahan bangsawan Sarawak dan intervensi teknologi dalam pemuliharaan teater bangsawan (Nur Afifah Vanitha Abdullah 2009; 2011b); dan Jeffri Haron (2014) pula meneliti estetika Melayu dalam tirai-tirai latar bangsawan dalam koleksi Sasterawan Negara Rahman B. Walaupun kajian-kajian lepas ini tidak membincangkan seni bina bangunan berpentas prosenium secara khusus, namun data dalam penulisan-penulisan ini mengesahkan penggunaan prosenium sejak awal perkembangan bangsawan di Tanah Melayu. Malah daripada lebih sepuluh (10) penulisan lepas ini, hanya Nur Afifah Vanitha Abdullah (2011b) membincangkan kesan pemilihan ruang semi-arena dengan kedudukan penonton lebih tinggi dari ruang lakon dan kesannya terhadap struktur pementasan bangsawan secara sepintas lalu.

Nur Afifah Vanitha Abdullah (2011b) merakamkan dapatan kajiannya yang bertajuk "Intervensi Teknologi dalam Pemuliharaan Teater Bangsawan" yang dijalankannya pada tahun 2010. Kajian ini bersifat aplikasi dalam mencari kaedah alternatif untuk menangani beberapa masalah yang menjadi cabaran kepada kesinambungan teater bangsawan di Malaysia, khususnya di Sarawak. Teknologi dan pentas berbentuk semi-arena diaplikasi untuk menangani cabaran pementasan bangsawan, antaranya pelakon kurang berbakat menyanyi dan menari, kos tinggi dalam menghasilkan latar hias, serta perbelanjaan besar untuk menyewa bangunan berpentas prosenium. Penulisan ini mendapati teknologi mampu mengatasi masalah bakat pelakon melalui kaedah *miming*, iaitu semasa pementasan pelakon hanya menggerakkan mulut dan mengikut lagu yang telah dirakam terlebih dahulu; dan menggunakan pancaran LCD sebagai pengganti latar hias pentas yang pelbagai. Namun begitu, pentas berbentuk semi-arena dengan kedudukan penonton di tiga sempadan ruang lakonnya yang bertingkat didapati mencabar format pementasan teater bangsawan. Walaupun penulisan Nur Afifah Vanitha Abdullah (2011b) lebih tertumpu kepada kaedah-kaedah memastikan kesinambungan teater bangsawan dengan bantuan teknologi, dapatan kajian dalam artikel ini secara tidak langsung mencetuskan keperluan meneliti mengapa secara tradisi persembahan bangsawan di Sarawak menggunakan ruang berpentas prosenium. Sehubungan itu, artikel ini membincangkan peranan seni bina bangunan berpentas prosenium terhadap proses persembahan teater bangsawan di Sarawak. Secara komperatif, konteks perbincangan artikel ini bukan setakat proses pementasan, malah mencakupi proses berkumpul dalam kalangan penggiat dan khayal teater ini. Perbincangan ini dilandasi oleh pengaplikasian konsep *the nest* dalam teori persembahan yang dikemukakan oleh Richard Schechner (1988).

Selain penulisan-penulisan lepas ini yang mengkhusus terhadap bangsawan, terdapat penulisan yang menjurus kepada ruang pementasan teater di Malaysia (Ab. Samad Kechot 2013). Penulisan ini menjadikan Istana Budaya sebagai salah satu skop dan latar perbincangan. Walaupun ruang Istana Budaya berprestij bagi tujuan mempersembahkan teater dengan kecanggihan peralatan pementasan bertaraf dunia, namun penulisan ini membincangkan subjek penyebaran maklumat dalam kalangan pegawai subordinat dan superior, serta pandangan ahli organisasi terhadap penyebaran maklumat dalam ruang ini. Perbezaan antara artikel Ab. Samad Kechot (2013) dan artikel ini adalah dari segi subjek dan fokus perbincangannya. Walaupun kedua-duanya berkaitan dengan ruang seni persembahan, artikel Ab. Samad Kechot membincangkan perihal penyebaran maklumat, manakala artikel ini lebih mengkhusus kepada peranan bangunan berpentas prosenium dalam tradisi persembahan bangsawan di Sarawak.

## METODE

Kajian berbentuk fundamental dirangka dengan kaedah kualitatif untuk memperolehi data bagi artikel ini. Analisis kandungan dipilih sebagai instrumen utama di samping pemerhatian. Sehubungan itu, buku, artikel jurnal, dan video pementasan bangsawan yang lepas diteliti untuk memperolehi informasi tentang sejarah, kaedah dan amalan pementasan teater ini di ruang pentas prosenium di Sarawak.

Pemerhatian turut dilaksanakan terhadap sebuah pementasan bangsawan bertajuk "Bangsawan Sultan Tengah" pada 13 Disember 2015. Teater ini dianjurkan oleh Amanah Khairat Yayasan Budaya Melayu Sarawak (AKYBMS) dan Dewan Bahasa dan Pustaka, Cawangan Sarawak. Pementasan ini merupakan pratonton kepada penggiat dan sarjana teater bagi tujuan penambahbaikan sebelum pementasan sebenarnya pada 3–4 Mac 2016. Pratonton ini mengambil tempat di auditorium Balai Budaya, Dewan Bahasa dan Pustaka, Cawangan Sarawak yang dilengkapi pentas prosenium. Melalui pemerhatian ini, kedua-dua proses berkumpul dan pementasan diteliti secara mendalam.

## HASIL DAN PERBINCANGAN

Penggunaan pentas prosenium adalah salah satu ciri teater moden yang terdapat pada teater bangsawan. Pentas bentuk ini telah digunakan sejak perkembangan awal persembahan

bangsawan di Sarawak sekitar awal abad ke-19 sehingga kini, kecuali pementasan bangsawan oleh Nur Afifah Vanitha Abdullah pada 2010 yang menggunakan ruang pentas semi-arena. Hal ini disebabkan proses persembahan bangsawan bersesuaian dengan ruang bangunan yang berpentas prosenium. Kedudukan dan bentuk setiap ruang dalam bangunan berpentas prosenium memiliki peranan tertentu dalam melaksanakan persembahan bangsawan. Untuk memahami peranan bangunan berpentas prosenium dalam proses persembahan bangsawan, artikel ini akan membahagikan perbincangan kepada proses berkumpul dan proses pementasan bangsawan seperti yang dikemukakan oleh Richard Schechner (1988) dalam konsep *the nest*—teori persembahannya.<sup>4</sup> Pembahagian ini akan memperlihatkan secara jelas, peranan setiap ruang dalam seni bina bangunan berpentas prosenium dan kaitannya kepada persembahan bangsawan. Dalam konteks persembahan bangsawan, proses berkumpulnya melibatkan para penggiat teater dan penonton atau khalayaknya. Perbincangan seterusnya akan difokuskan kepada fungsi ruang bangunan berpentas prosenium dalam proses berkumpul bagi kedua-dua pihak ini.

### Proses Berkumpul

Lazimnya, para penggiat teater bangsawan adalah yang terdahulu sampai ke tempat pementasan bangsawan. Penggiat teater bangsawan dapat dibahagikan kepada dua golongan, iaitu yang pertama, para pelaksana atau pengurus pementasan, manakala golongan kedua pula adalah tenaga artistik seperti pelakon, penari, penyanyi dan pemuzik. Kesemua tenaga artistik dan sebahagian daripada pengurus pementasan seperti pengurus kostum, juru solek, pengurus pentas dan kru pentas akan menggunakan ruang belakang pentas semasa proses ini.

Ruang belakang pentas lazimnya dilengkapi dengan bilik persalinan pakaian wanita dan lelaki. Pengurus bahagian kostum dan solekan akan menggunakan ruang ini bagi menyediakan kostum mengikut watak, dalam bilik-bilik persalinan pelakon. Bilik-bilik persalinan akan digunakan oleh tenaga artistik untuk mengenakan kostum masing-masing, manakala solekan serta dandanannya rambut pula dilakukan mengikut kehendak watak oleh para juru solek di bilik-bilik persalinan wanita dan lelaki.

Ruang belakang pentas ini juga digunakan oleh pengurus pentas dan kru-kru pentas. Pengurus pentas akan melakukan pemeriksaan akhir ke atas segala peralatan dan kelengkapan pementasan seperti prop, set, kostum dan *cue sheet*.<sup>5</sup> Selain itu, pengurus pentas juga akan memastikan kedudukan peralatan dan kelengkapan ini berada di lokasi spesifik belakang

pentas yang telah ditentukan, agar kru-kru pentas mudah menemui dan mencapainya untuk digunakan semasa pementasan. Kerusi-kerusi menunggu juga akan disediakan untuk tenaga artistik di ruang belakang pentas berhampiran pintu keluar masuk ke ruang lakonan.

Sementara itu, di bahagian *front of house* (FOH) pula, pelaksana seperti "tauke" panggung dan kru *box office* akan bersedia untuk melaksanakan tugas mereka. Ketika bangsawan masih memiliki nilai komersial sekitar awal abad ke-19 sehingga 1960-an, khalayak perlu membeli tiket untuk menonton bangsawan. Ketika itu, tempat jual tiket akan dibuka di bahagian luar pagar yang menyempadani kawasan menonton bagi pementasan di kawasan terbuka. Sebaliknya, bagi pementasan bangsawan yang menggunakan pawagam atau bangunan tertutup dengan pentas prosenium, tiket dijual di ruang atau bilik khusus. Bilik ini berkedudukan dalam kawasan FOH, iaitu ruang antara pintu masuk utama bangunan dan pintu masuk auditorium. Hanya khalayak bertiket dibenarkan memasuki kawasan menonton atau auditorium. Namun begitu, keadaan ini mula berubah sejak awal dekad 1980-an, ketika bangsawan mula dipentaskan secara percuma sempena hari-hari kebesaran negeri Sarawak (Nur Afifah Vanitha Abdullah 2009). Ruang khusus menjual tiket bangsawan tiada lagi bagi pementasan di kawasan terbuka, manakala tiada sebarang aktiviti mengambil tempat di bilik menjual tiket sekiranya bangsawan dipentaskan dalam bangunan berpentas prosenium. Ruang FOH juga tiada terutamanya ketika pentas prosenium sementara didirikan di kawasan-kawasan lapang. Dalam suasana terbuka, kerusi hanya disediakan untuk para tetamu kehormat seperti Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Ketua Menteri Sarawak, atau para menteri. Khalayak umum bebas memilih untuk sama ada berdiri ataupun duduk bagi menonton persesembahan.

Bahagian bilik kawalan<sup>6</sup> juga akan mula digunakan ketika proses berkumpul. Bilik kawalan lazimnya terletak berhadapan dengan pentas, di bahagian hujung auditorium. Bilik kawalan ini bertujuan mengurus segala perkara berhubung teknikal misalnya pencahayaan, audio dan pancaran visual. Semasa proses berkumpul kru teknikal akan memasuki ruang ini untuk memastikan segala kelengkapan teknikal berada dalam keadaan fungsional. Latihan teknikal terakhir juga akan dilakukan dengan pengurus pentas ketika ini. Namun begitu sebelum 1970-an,<sup>7</sup> ruang bilik kawalan ini tidak wujud dalam persembahan bangsawan kerana ketika itu belum terdapat bangunan dengan kelengkapan tersebut.

Pada penghujung proses berkumpul ini, para pemuzik akan memenuhi ruang orkestra. Ruang ini lazimnya berkedudukan di bahagian kanan di hadapan khalayak. Kumpulan orkestra akan menghadap pentas kerana ahli-ahlinya akan mengalunkan muzik secara

langsung sepanjang pementasan bangsawan, sesuai dengan mod adegan yang dilakonkan, dan juga acara *extra turn* yang dipentaskan. Sejak awal perkembangan teater bangsawan sehingga 1960-an, kaedah lakonan improvisasi diaplikasi untuk pementasan bangsawan. Ini bermakna, pelakon bebas untuk sama ada memanjang atau memendekkan lakonan mereka, sesuai dengan respon yang mereka terima daripada khalayak. Sistem latihan untuk pementasan bangsawan adalah suatu yang baharu, iaitu sejak tahun 1980 apabila skrip yang lengkap digunakan (Nur Afifah Vanitha Abdullah 2009). Kumpulan orkestra terpaksa berkedudukan menghadap pentas pada era lakonan berbentuk improvisasi agar muzik yang mengiringi lakonan selari dengan jangka masa lakonan pada babak yang dipentaskan. Apa yang menarik adalah ruang dan kedudukan orkestra dikekalkan sehingga kini, walaupun para pemuzik tidak perlu lagi melihat aksi-aksi di atas pentas untuk menghasilkan muzik iringan bagi pementasan berskrip lengkap dan yang telah melalui latihan sekurang-kurangnya selama seminggu.

Bahagian auditorium pula akan dipenuhi khalayak secara beransur pada fasa penghujung proses berkumpul. Tempat duduk di auditorium lazimnya adalah beringkat dan berhadapan dengan pentas atau *picture frame*. Kedudukan penonton yang tertumpu di bahagian hadapan pentas memudahkan proses dan format pementasan bangsawan. Dalam kedudukan sebegini, *eye level* penonton adalah selari dengan ruang lakon.

Ketika zaman teater bangsawan memiliki nilai komersial, kedudukan penonton di ruang auditorium dibezakan oleh harga tiket. Tiket dijual dengan beberapa kategori harga. Tiket yang berbeza harga ini lazimnya dijual untuk pementasan bangsawan dalam bangunan berprosenium. Tempat duduk paling hampir dengan pentas bertiket paling mahal, manakala yang semakin jauh dari pentas bernilai semakin rendah. Keadaan ini berbeza bagi pementasan bangsawan dalam kawasan terbuka kerana tiket masuknya dijual pada satu harga sahaja. Khalayak bebas memilih mana-mana tempat untuk sama ada berdiri atau duduk dalam kawasan berpagar bagi menonton pementasan.

### **Proses Pementasan**

Proses pementasan adalah bahagian kedua dan kemuncak dalam konsep *the nest* yang dikemukakan dalam teori persembahan. Tujuan sebenar bagi pertemuan antara pihak yang terlibat akan direalisasi dalam proses ini. Dalam konteks persembahan bangsawan, proses pementasan adalah di mana seluruh tenaga artistik dan pelaksana terlibat secara kolektif untuk

menyampaikan satu kisah dalam beberapa babak, serta perlaksanaan acara *extra turn* secara berselang-seli antara babak. Seterusnya, artikel ini akan memfokuskan perbincangan terhadap ruang pentas prosenium dan bagaimana format pementasan teater bangsawan dilaksanakan dalam ruang ini.

Bentuk fizikal pentas prosenium mempunyai peranan tertentu selari dengan struktur pementasan teater bangsawan itu sendiri. Lazimnya, kedudukan lantai pentas ini adalah lebih kurang empat kaki lebih tinggi dari lantai auditorium. Kedudukan ini penting kerana aktiviti pementasan dapat ditonton dengan jelas oleh semua khalayak, sama ada yang duduk mahupun yang berdiri. Lantai pentas yang tinggi ini juga amat membantu para ahli orkestra untuk mengikuti babak yang dilakukan dengan jelas, serta mengiringi pementasan bangsawan dengan muzik latar yang sesuai.

Lantai pentas prosenium juga lazimnya akan lebih ke hadapan berbanding tirai hadapan dan dinding di sisi kiri serta kanan di bahagian hadapan pentas. Kawasan ini dikenali sebagai *apron* pentas, dan merupakan ciri khusus bagi pentas berbentuk prosenium. Di ruang inilah lazimnya *program master* akan mengambil tempat untuk berinteraksi dengan khalayak. Malah di bahagian ini juga, acara *extra turn* akan dilaksanakan semasa pertukaran set bagi babak-babak seterusnya di belakang tirai hadapan. Sehubungan itu, tirai hadapan dan apron pentas adalah dua perkara penting dalam ruang pentas prosenium, bagi melaksanakan acara *extra turn* dalam tradisi persempahan bangsawan di Sarawak. Selain itu, tirai hadapan pentas prosenium juga penting kerana perkataan *extra turn* ditulis padanya (rujuk Gambar 1). Tulisan ini wujud sekitar lewat tahun 1940-an dan merupakan antara ciri unik bangsawan di negeri ini (Nur Afifah Vanitha Abdullah 2011a).

Satu lagi ruang yang penting dalam tradisi persempahan bangsawan di Sarawak adalah bahagian atas tirai hadapan. Amalan tradisi kumpulan-kumpulan bangsawan di Sarawak adalah meletakkan nama kumpulan bangsawan di bahagian tersebut. Pemaparan nama kumpulan ini dilakukan sama ada dengan menggunakan kain rentang ataupun dilukiskan pada papan lapis. Rupa dan kedudukan nama kumpulan ini seolah-olah mahkota dari sudut pandang khalayak. Ia juga dikenali sebagai Kota Bum dalam kalangan penggiat teater bangsawan. Kehadiran Kota Bum hanya sebagai hiasan dan tanda nama kumpulan yang mementaskan bangsawan sahaja. Ia tiada kaitan secara langsung dengan perlaksanaan pementasan bangsawan dan hanya bertindak sebagai sebahagian daripada kelengkapan teater ini. Tujuan Kota Bum adalah untuk memperkenal dan mempromosi kumpulan yang mengjurukan pementasan teater bangsawan. Kelengkapan persempahan ini adalah antara



**Gambar 1** Acara *extra turn* di bahagian *apron* pentas bersempena pementasan bangsawan *Maharaja Jin Bukit Siul* 1982 di Petra Jaya, Kuching Sarawak.  
Sumber: Nur Afifah Vanitha Abdullah (2009).

perkara penting bagi sebuah kumpulan bangsawan kerana rupa Kota Bum adalah simbol kekayaan, bakat dan keseriusan kumpulan tersebut mengusahakan teater bangsawan.

Bahagian tengah prosenium adalah kawasan ruang lakon. Aksi-aksi bagi cerita bangsawan akan mengambil tempat di ruang ini. Bahagian ini amat penting untuk tujuan set, tasmat,<sup>8</sup> dan lakonan bangsawan. Set didirikan di bahagian ini bagi memberi gambaran lokasi selari dengan babak yang dipentaskan. Misalnya, singgahsana bagi raja atau sultan akan diletakkan di atas pentas bertingkat untuk adegan menghadap pemerintah. Pada masa yang

sama, lantai ruang lakon yang tinggi pula memungkinkan kehadiran tasmat atau kesan khas dalam teater bangsawan. Tasmat adalah antara ciri penting atau aspek *spectacle* yang harus wujud dalam pementasan teater ini. Misalnya, *trap door*<sup>9</sup> disediakan pada lantai ruang lakon agar pelakon dapat hilang dari penglihatan khalayak dalam adegan yang memerlukan watak untuk ghaib. Di bahagian kiri dan kanan ruang lakon bangsawan pula, didirikan *side wings* bagi tujuan memfokuskan pandangan khalayak terhadap aksi-aksi yang berlangsung di tengah pentas. Di samping itu, *side wing* juga bertujuan menghadang pandangan khalayak terhadap pelakon yang menunggu giliran masuk pentas dan urusan kerja kru pentas semasa pementasan. Di bahagian atas ruang lakon ini terdapat *lighting bar* atau tempat mengantungkan lampu-lampu pentas. Lazimnya, terdapat lebih kurang tiga hingga empat baris *lighting bar* dalam sebuah pentas prosenium. Di bahagian hadapan setiap *lighting bar* ini digantungkan kain rentang yang lebarnya lebih kurang dua kaki. Kain ini berfungsi untuk menyorokkan kelengkapan lampu daripada penglihatan khalayak dan ia dikenali dengan istilah "jala" dalam kalangan penggiat bangsawan.

*Backdrop* atau latar hias juga adalah antara kelengkapan penting pementasan bangsawan. Kedudukan latar hias<sup>10</sup> adalah di bahagian belakang pentas dan digantungkan menghadap khalayak. Latar hias disusun dan digantung mengikut urutan babak. Sejak dari awal perkembangan bangsawan sehingga kini, latar hias dinaikkan atau diturunkan dengan teknologi takal dan tali. Latar hias berfungsi sebagai indikasi visual untuk menerangkan latar tempat bagi suatu babak yang sedang dipentaskan. Ia adalah lukisan dua dimensi di atas kain kanvas. Jumlah bilangan latar hias yang dimiliki oleh sesebuah kumpulan bangsawan adalah antara indikasi kekuatan kewangan kumpulan tersebut. Kumpulan yang besar kemampuan kewangannya dan termasyhur akan memiliki antara 30–35 helai latar hias. Walau bagaimanapun sejak 1980-an, pementasan bangsawan di Sarawak tidak menggunakan lebih daripada empat helai latar hias sesuai dengan jangka masa pementasannya yang tidak melebihi tiga jam.

## RUMUSAN

Kesimpulan yang dapat dicapai tentang kaitan bangunan berpentas prosenium dalam tradisi teater bangsawan di Sarawak adalah seluruh ruang dalam bangunan ini mempunyai peranan tertentu dalam persembahan teater ini. Seni bina ruang ini juga turut berperanan dalam



**Gambar 2** Kota Bum, jala, *side wings*, dan latar hias bangsawan *Maharaja Jin Bukit Siul* sempena Perayaan Hari Petra Jaya 1982, Kuching Sarawak.

Sumber: Nur Afifah Vanitha Abdullah 2009.

proses pementasan bangsawan dan proses berkumpul dalam kalangan penggiat dan khalayak teater bangsawan. Bahagian FOH serta belakang pentas berperanan dalam beberapa aktiviti yang berkait dengan proses berkumpul teater ini. Sementara itu, walaupun kelengkapan persembahan bangsawan seperti Kota Bum, *side wings*, dan jala tiada pengaruh secara langsung terhadap pementasan bangsawan, namun ia mempunyai kedudukan serta peranannya yang tersendiri sebagai sebahagian daripada kelengkapan persembahan teater ini.

## PENGHARGAAN

Artikel ini adalah sebahagian daripada dapatan kajian bagi Geran Galakan Penyelidik Muda (GGPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (GGPM 2016-024).

## NOTA

1. Sebuah teater bangsawan bertajuk "Bangsawan Periuk Kera Ajaib" karya dan arahan Vanitha Abdul telah dipentaskan pada 27–28 Februari 2010, di Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak.
2. *Extra turn* adalah acara selingan yang dipentaskan untuk menghibur penonton semasa pertukaran set—seperti latar hias—dalam teater bangsawan. Pengisian *extra turn* adalah seperti tarian, nyanyian, lawak jenaka, silap mata dan aksi akrobatik yang tiada kaitan dengan jalan cerita yang dipersembahkan melalui babak-babak teater bangsawan. *Extra turn* adalah salah satu sifat utama teater ini.
3. *Program master* adalah pengacara majlis dalam pementasan bangsawan. Tugas *program master* adalah menghubungkan plot cerita yang terputus akibat kehadiran acara *extra turn*, serta memperkenalkan pengisian *extra turn* kepada khalayak.
4. Menurut teori persembahan Richard Schechner (1988), proses berkumpul adalah proses pertama dalam sebuah aktiviti persembahan. Proses berkumpul hanya dapat mengambil tempat dengan persetujuan sekurang-kurangnya antara dua pihak. Aspek persetujuan antara dua pihak tersebut adalah ketetapan tempat dan masa berkumpul bagi melaksanakan suatu aktiviti.
5. *Cue sheet* adalah senarai aturcara terperinci tentang pementasan. Urutan persediaan pelakon di belakang pentas, pergerakan keluar masuk pelakon, set atau prop ke ruang lakonan; aspek pencahayaan, audio dan pancaran visual multimedia akan tercatat dalam *cue sheet* ini.
6. Bilik kawalan ini menjadi sebahagian daripada bangunan berpentas prosenium sejak tahun 1970-an di Sarawak.

7. Sebelum 1970-an, aspek teknikal seperti lampu pentas dan audio hanya dilakukan dengan kaedah ringkas. Kuali dan lampu mentol digunakan sebagai lampu di pentas bangsawan tahun 1940-an. Bangsawan anjuran persatuan Masjid Bintangor Haji Taha (MBHT) di bawah pimpinan Abang Sapuan Juaini menggunakan kaedah pencahayaan sedemikian (Nur Afifah Vanitha Abdullah 2009).
8. Tasmat adalah antara ciri penting teater bangsawan. Tasmat adalah aspek kekaguman dalam teater ini. Antara tasmat yang dikemukakan dalam bangsawan adalah watak pari-pari keluar dalam sebuah bunga besar yang sedang mekar; pari-pari turun dari langit; adegan membunuh, di mana usus mangsa yang berdarah terburai; dan watak hilang atas pentas.
9. Lubang bersegi empat dengan pintu yang dapat dibuka dari bahagian bawah dibina di lantai pentas. Lazimnya, *trap door* hanya dibina pada panggung-panggung bangsawan sementara sekitar tahun 1930-an sehingga 1960 di Sarawak.
10. Adalah lukisan dua dimensi di atas kain kanvas. Antara visual yang dipaparkan pada latar hias adalah balai menghadap Sultan, perkaranan istana, pemandangan pantai, perkaranan rumah kampung, hutan dan sebagainya.

## RUJUKAN

- Ab. Samad Kechot. 2013. "Menangani ruang budaya: Peranan Pengurus sebagai penyebar maklumat bagi Istana Budaya. Kuala Lumpur." *GEOGRAFIA Online Malaysia Journal of Society and Space* 9(1): 70–78. <http://www.ukm.my/geografia/v1/?cont=v&item=2&art=388&ver=loc>.
- Abdul Samat Salleh. 1996. *Aspek lakon di dalam teater bangsawan*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- . 2003. Improvisasi di dalam teater bangsawan. *Wacana Seni Journal of Arts Discourse* 2: 131–154.
- . 2005. *Aspek lakonan dalam teater bangsawan*. Kuala Lumpur: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.

- Cameons, C. L. 1981. *History and development of Malay theatre*. Tesis Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Jeffri Haron. 2014. *Estetika set tirai latar babak teater bangsawan koleksi Rahman B*. Tesis Sarjana, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim.
- Marlenny Deenerwan. 2015. *Positioning bangsawan for a contemporary Malaysian audience with a new framework for transmitting Rahman B's conventions*. Tesis Doktor Falsafah, Monash University, Australia.
- Mohamed Ghous Nasuruddin. 2000. *Teater tradisional Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nur Afifah Vanitha Abdullah. 2009. *Perkembangan dan perubahan persembahan bangsawan di Sarawak 1914–2004*. Disertasi Doktor Falsafah, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- . 2011a. *Persembahan bangsawan di Sarawak*. Sarawak: Penerbit Universiti Malaysia Sarawak.
- . 2011b. Investigating the effectiveness of alternative methods in staging of Malay opera. *Proceeding of International Conference on Creative Industries—Performing Arts as Creative Industries in Asia (PACIA)*, 23–24 Mac 2011. Pulau Pinang: Pusat Pengajian Seni, Universiti Sains Malaysia.
- Nur Nina Zuhra. 1992. *An analysis of modern Malay drama*. Shah Alam: Biroteks, Institut Teknologi MARA.
- Rahmah Bujang. 1975. *Sejarah perkembangan drama bangsawan di Tanah Melayu dan Singapura*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Schechner, R. 1988. *Performance theory*. New York: Routledge.
- Tan Sooi Beng. 1993. *Bangsawan: A social and stylistic history of popular Malay opera*. Singapore: Oxford University Press.
- Wan Abdul Kadir. 1988. *Budaya popular dalam masyarakat Melayu bandaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.